

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING
[BINTULU]**

TARIKH : 24.5.2016

SOALAN :

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-

- (a) berapa ramaikah Guru Terlatih Lepasan Siswazah yang masih menunggu penempatan untuk ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh negara; dan
- (b) berapa ramaikah Guru Pendidikan Bahasa Cina yang berasal dari negeri Sabah dan Sarawak yang masih menunggu untuk ditempatkan di negeri asal masing-masing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 5,823 graduan pendidikan lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) keluaran tahun 2014 dan 2015 sedang dan telah ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mulai 4 April 2016 hingga 19 Mei 2016. Urusan penempatan akan dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kekosongan jawatan dan keperluan opsyen tertakluk kepada keputusan rasmi temu duga yang dikeluarkan oleh SPP.

- (b) Manakala terdapat sejumlah empat (4) orang graduan pendidikan opsyen Bahasa Cina iaitu tiga (3) di Sarawak dan satu (1) di Sabah. Walau bagaimanapun, dua (2) orang graduan dari Sarawak tidak dipanggil temu duga kerana tidak mendaftar di Portal *JobsMalaysia* manakala baki iaitu seorang dari Sarawak dan seorang dari Sabah telah ditemu duga oleh SPP dan akan ditempatkan di negeri asal masing-masing tertakluk kepada keputusan rasmi temu duga yang dikeluarkan oleh SPP.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN
[BATU SAPI]**

TARIKH : 24 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN : 140

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengapa Malaysia Airlines Berhad (MAB) selalu membatalkan penerbangan bagi sektor Sandakan-Kota Kinabalu dan apakah inisiatif yang akan diambil untuk mengurangkan kesulitan kepada para penumpang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, MAB menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan Sandakan–Kota Kinabalu dengan kekerapan sebanyak 14x seminggu. Manakala MASwings pula menyediakan perkhidmatan penerbangan bagi laluan yang sama dengan kekerapan sebanyak 28x seminggu.

Dalam tempoh Januari hingga Mei 2016, sememangnya terdapat pembatalan penerbangan bagi laluan Sandakan-Kota Kinabalu oleh MAB berikutan masalah-masalah teknikal yang tidak mengizinkan pesawat untuk meneruskan penerbangan. Dalam hubungan ini, bagi mengurangkan kesulitan disebabkan pembatalan penerbangan tersebut, MAB telah mengambil inisiatif dengan memindahkan para penumpang yang terjejas ke penerbangan MAB yang seterusnya atau menaiki penerbangan MASWings. Selain itu, MAB juga telah mengambil inisiatif untuk menjalankan semakan dan kajian menyeluruh terhadap proses penyelenggaraan dan membaik pulih pesawat dalam menangani masalah tersebut.